

Rugi RM4.2j dalam tempoh lima tahun

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Negara kerugian kira-kira RM4.2 juta bagi tempoh lima tahun sejak 2018 hingga 31 Mei lalu akibat penyelewengan minyak masak bersubsidi.

Kerugian ini berdasarkan nilai rampasan 430 kes penyelewengan minyak masak yang dibongkarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di seluruh negara.

Jumlah itu juga tidak termasuk kes-kes penyelewengan barang bersubsidi yang masih diperuntukkan kerajaan seperti Gas Petroleum Cecair (LPG), petrol RON 95, diesel, tepung gandum (kegunaan am), ayam dan telur ayam.

Memberitahu *Mingguan Malaysia*, Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, kes tertinggi direkodkan adalah pada tahun lalu iaitu sebanyak 188 laporan melibatkan nilai rampasan RM1.20 juta diikuti 2019 dengan 47 kes direkodkan dengan jumlah nilai rampasan RM12.86 juta.

Kata Azman, pada tahun 2018 sebanyak 62 kes direkodkan melibatkan nilai rampasan RM806,413 diikuti 2020 iaitu 79 kes melibatkan nilai rampasan RM664,856.

Bagi tahun ini pula, katanya, sehingga 31 Mei 2022, sebanyak 54 kes telah direkodkan melibatkan nilai rampasan RM254,584.

“Perkara ini berlaku kerana ada pelesen sah juga melakukan



AKIBAT penyelewengan minyak masak bersubsidi, negara kerugian kira-kira RM4.2 juta hasil bagi tempoh lima tahun sejak 2018 hingga 31 Mei lalu.

aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi pekot satu kilogram (kg) yang dipindahkan ke dalam bekas minyak masak industri sebelum dipasarkan.

“Minyak masak bersubsidi pekot satu kg tersebut telah dile-raikan menggunakan mesin dan dikumpulkan di dalam tangki lain lebih besar yang bersambungan kemudiannya dipasarkan sebagai minyak masak industri,” katanya di sini semalam.

Mengulas lebih lanjut, kata Azman, terdapat juga kes yang mana sindiket dipercayai membeli minyak masak bersubsidi daripada pemborong berlesen

dalam kuantiti yang banyak.

Jelas beliau, minyak masak pekot 1 kg tersebut kemudiannya dipotong dan dimasukkan dalam mesin pengisar sebelum dibungkus dalam botol disyaki untuk dieksport ke luar negara.

“Banyak kes penyelewengan dan penyeludupan minyak masak bersubsidi berlaku di negeri bersempadan dengan negara jiran seperti Kelantan, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak di mana jaringan sempadan yang panjang dan jarak yang berdekatan selain hubungan persaudaraan menjadi faktor mudahnya berlaku aktiviti ini,” ujarnya.